

14 OCT 1998

Mahathir-Jepun

DR MAHATHIR KE JEPUN ESOK UNTUK LAWATAN KERJA LIMA HARI

KUALA LUMPUR, 14 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan berlepas ke Tokyo esok untuk lawatan kerja lima hari ke Jepun.

Beliau akan diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, demikian menurut satu kenyataan Pejabat Perdana Menteri hari ini.

Di Tokyo, Dr Mahathir akan mengadakan pertemuan dengan ahli-ahli perniagaan terkemuka, tokoh-tokoh bank dan cendekiawan.

Beliau akan berbincang dengan ahli-ahli Pertubuhan Persekutuan Ekonomi Jepun (Keidanren).

Perdana Menteri juga dijadual menemui rakan sejawatannya Keizo Obuchi dan menghadap Maharaja Akihito pada Isnin.

Pada Selasa, Dr Mahathir akan bersarapan dengan anggota-anggota Parlimen Jepun sebelum berucap pada satu seminar.

Beberapa temubual telah diatur untuk beliau termasuk oleh ketua-ketua pengarang Asahi Shimbun, Mainichi, Yomiuri, Nikkei dan NHK.

Dr Mahathir juga dijadual menemui pelajar Malaysia dan kakitangan kedutaan.

-- BERNAMA

ES MAI